

Dr. Mahathir sertai Putra teruskan perjuangan politik

PETALING JAYA: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang bertindak keluar daripada Pejuang pada 10 Februari lalu, kini menyertai Parti Bumiputera Perkasa Malaysia (Putra) yang dipimpin Datuk Ibrahim Ali.

Perkara itu dimaklumkan bekas Ahli Majlis Eksekutif Pusat Parti Pejuang Tanah Air

(Pejuang), Armin Baniaz Pamin menerusi satu hantaran di Facebook beliau.

12 ahli yang sebelum ini keluar daripada Pejuang juga mengikut jejak langkah Dr. Mahathir menyertai Putra.

Menurut Armin Baniaz, mereka yang dikenali sebagai G13 mendaftar keahlian dengan Putra bagi meneruskan perju-

ngan politik.

"Misi dan matlamat kita perlu jelas untuk menjayakan sesuatu perjuangan. Perjuangan utama kami ialah untuk penyatuan orang Melayu, parti dan juga pertubuhan Melayu dalam menyelesaikan masalah bangsa demi agama dan tanah air," katanya.

Bekas Ahli Parlimen Lang-

kawi itu sebelum ini menyuarakan kekecewaannya terhadap Pejuang yang memutuskan hubungan dengan Gerakan Tanah Air (GTA) yang secara tidak langsung menyingkirkan beliau sebagai penggerak perjuangan gabungan itu.

Dr. Mahathir menubuhkan Pejuang pada tahun 2020 selepas meninggalkan Parti Pribu-

mi Bersatu Malaysia (Bersatu) yang ditubuhkannya pada 2016 setelah keluar daripada UMNO.

Pada Ogos tahun lalu, Dr. Mahathir mengumumkan penubuhan GTA yang dianggotai Pejuang bersama dua lagi parti kecil dan profesional Melayu untuk bertanding dalam Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) pada tahun lalu.